

UNTUK SIARAN SEGERA



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KENYATAAN MEDIA

**RALAT TARIKH PELAKSANAAN PEPERIKSAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA TAHUN 2026**

Kementerian Pendidikan (KPM) ingin memaklumkan terdapat ralat pada tarikh ujian mendengar seperti mana yang dipaparkan dalam ringkasan jadual di kenyataan media yang terdahulu.

Sehubungan dengan itu, disertakan jadual yang telah dikemas kini untuk rujukan dan tindakan pihak media selanjutnya seperti jadual di bawah:

Tarikh	Ujian/Peperiksaan
26 – 29 Oktober 2026	Ujian Bertutur Bahasa Melayu
02 – 05 November 2026	Ujian Bertutur Bahasa Inggeris
16 – 18 November 2026	Ujian Amali Sains
23 November 2026	Ujian Mendengar Bahasa Melayu
24 November 2026	Ujian Mendengar Bahasa Inggeris
23 November 2026 – 17 Disember 2026	Peperiksaan Bertulis

Sebagai makluman, jadual penuh peperiksaan SPM tahun 2026 telah dimuat naik ke portal Lembaga Peperiksaan bagi rujukan semua pihak. KPM ingin memohon maaf atas sebarang kesulitan.

TAMAT

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
18 OGOS 2026**